

Timbalan menteri sedia isytihar aset
MalaysiaKini.com
March 22, 2012
By Leven Woon

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah telah berikrar untuk mengisytiharkan hartanya kepada umum, bergantung kepada pendirian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai perkara itu.

Di sidang akhbar untuk menandatangani ikrar integriti pilihan raya di lobi Parlimen hari ini, Saifuddin berkata, beliau "ok untuk mengisytiharkan asetnya" apabila disoal oleh pemberita.

NONEBagaimanapun, apabila ditekan lagi, Saifuddin (kiri) berkata: "Ya, saya akan (berbuat demikian), sekarang saya tak tahu (pendirian SPRM mengenai isu itu). Jika esok mereka berkata ok untuk menteri dan timbalan menteri mengisytiharkan harta mereka, saya sedia isytihar," katanya.

"Jangan macam tulah . Biarlah (kita) buat satu perkara pada satu masa," katanya bergurau, merujuk kepada ikrar pilihan raya yang ditandatangani petang ini.

Pertubuhan sivil semakin mendesak menteri supaya mengisytiharkan harta mereka secara terbuka ekoran skandal National Feedlot Corporation (NFC).

Sementara itu hari ini, Saifuddin menjadi ahli politik pertama yang secara rasmi menandatangani ikrar tersebut di hadapan Presiden TI-M, Datuk Paul Low yang telah membuat lawatan khas ke Parlimen semata-mata untuk berjumpa dengannya.

Ikrar tersebut, yang dilancarkan Sabtu lalu, adalah satu usaha Transparency-International Malaysia (TI-M) meminta calon-calon pilihan raya untuk menolak politik wang dan rasuah.

Saifuddin turut ditanya sama ada beliau akan cuba memujuk presiden dan rakan-rakan partinya untuk menurut jejak langkahnya itu.

Beliau berkata terpujanglah kepada setiap individu untuk membuat keputusan mengenainya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/192893>

